

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

**SOALAN**

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan kepada imam di seluruh negara dan apakah langkah untuk mempertingkatkan peranan imam dalam institusi masyarakat.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2019, Kerajaan persekutuan melalui JAKIM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM119,870,400.00 untuk bayaran imbuhan bulanan imam masjid kariah seluruh negara seperti berikut:

Bil	Negeri	IMAM (Elaun: RM850.00)		
		Pengisian	Jumlah mengikut pengisian (Sebulan)	Jumlah mengikut pengisian (Setahun)
1.	Wilayah Persekutuan	130	110,500.00	1,326,000.00
2.	Sabah	1,555	1,321,750.00	15,861,000.00
3.	Sarawak	689	585,650.00	7,027,800.00
4.	Johor	1,650	1,402,500.00	16,830,000.00
5.	Negeri Sembilan	636	540,600.00	6,487,200.00
6.	Melaka	354	300,900.00	3,610,800.00
7.	Perak	1,300	1,105,000.00	13,260,000.00
8.	Perlis	196	166,600.00	1,999,200.00
9.	Pahang	985	837,250.00	10,047,000.00
10.	Terengganu	830	705,500.00	8,466,000.00
11.	Kelantan	1,162	987,700.00	11,852,400.00
12.	Selangor	760	646,000.00	7,752,000.00
13.	Kedah	1,114	946,900.00	11,362,800.00
14.	Pulau Pinang	391	332,350.00	3,988,200.00
<b>JUMLAH</b>		<b>11,752</b>	<b>9,989,200.00</b>	<b>119,870,400.00</b>

JAKIM sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran Islam sentiasa memastikan setiap penggerak atau penghubung dalam masyarakat terutama Imam mendapat latihan dan kursus yang selayaknya melalui JAIN/MAIN atau jabatan ini. Antara langkah yang diambil pihak JAKIM adalah dengan mengadakan Kursus Profesionalisme Imam Masjid Kariah Seluruh Negara dan Muhadharah Murabbi Ummah iaitu pertemuan semua pihak yang menggerakkan hal ehwal Islam di lapangan masyarakat termasuk para imam di seluruh negara. Selain itu, bengkel dan kursus secara berkala juga disusun di peringkat JAIN dan MAIN bagi memastikan tahap profesionalisme Imam dipertingkatkan dalam mentadbir urus masjid seluruh negara.

Antara pengisian yang terdapat dalam kursus profesionalisme Imam dengan menjelaskan tatacara profesion imam, fiqh Al-Solah, kaedah hafazan al-Quran, panduan wirid, doa,tahlil dan penyampaian khutbah. Selain itu pendedahan kepada pegawai masjid seperti tatacara pengurusan masjid,kewangan masjid dan standard penarafan masjid turut diberikan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

**SOALAN :**

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program dakwah yang sudah dilaksanakan bagi memberi kefahaman sebenar dan pengukuhan akidah dalam kalangan generasi muda.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bersetuju bahawa dakwah adalah unsur utama dalam pembangunan modal insan secara keseluruhannya berteraskan konsep “menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran” dan dilengkapi dengan asas-asas bertolong bantu, bekerjasama ke arah kebaikan dan tidak sekali-kali berkompromi kepada perkara-perkara keburukan, kemudaratan yang boleh mencacatkan prinsip-prinsip Maqasid Syariah yang lima serta mencari konsep Negara Rahmah yang sedang kita dokong ini.

JAKIM sebagai agensi pusat yang menguruskan hal ehwal dakwah Islam dan digerakkan secara bersepadu melalui jabatan-jabatan agama Islam Negeri, telah menyusun strategi-strategi bagi memastikan pencapaian dakwah yang berkesan tercapai merangkumi semua aspek dan sasaran. Aspek-aspek kajian, Research and Development (R&D), Penguatkuasaan

Enakmen-Enakmen Negeri, program-program dakwah pelbagai golongan bermula dari peringkat remaja sehingga kepada warga emas diwujudkan bagi memastikan kemenjadian model insan yang beriman dan bertaqwa. Konsep Negara RAHMAH, mengangkat dakwah ke satu lagi dimensi yang tersendiri dalam mengadakan lebih banyak ruang dan peluang berbicara tentang Islam bersama yang bukan Islam agar Islam sebagai agama sejahtera dapat difahami sebaiknya.

Di peringkat pusat, JAKIM telah menyediakan modul/korikulum KAFA yang bertujuan memperkukuhkan aqidah umat Islam seawal usia 7-12 tahun di seluruh negara. Diikuti dengan pembangunan modul MyInsaniah yang akan memperkenalkan program-program jangka pendek selama 3 hari 2 malam kepada golongan remaja. Selain itu, program pengukuhan aqidah di Pusat-Pusat Latihan Islam Malaysia di seluruh negara. Ditambah juga dengan program Dakwah Street yang menyantuni golongan remaja secara santai. Begitu juga dengan program-program dakwah Televisyen dan Media.

Sekian, terima kasih.